

Badan perkukuh BN akan ditubuh

UMH 8 JUL 2001

KUALA LUMPUR 7 Julai — Barisan Nasional (BN) akan menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi memantap dan meningkatkan lagi kerjasama di kalangan parti komponen.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, jawatankuasa itu akan menggunakan pendekatan yang konkrit dan tersusun bagi mencapai matlamat itu sebagai yang dicadangkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Jawatankuasa itu juga, kata beliau, akan melambangkan perpaduan sebenar parti-parti komponen dalam BN.

"Saya diberitahu oleh Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat supaya kita adakan satu jawatankuasa untuk merangka secara terperinci langkah-langkah yang perlu diambil segera supaya apa yang dihasrat oleh Perdana Menteri dapat dijayakan.

"Kerjasama yang lebih erat dan kukuh akan meyakinkan rakyat kepada BN," katanya kepada pemberita selepas ucapnama Pengerusi BN pada Konvensyen BN di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Cadangan penubuhan jawatankuasa itu diumumkan oleh Dr. Mahathir semasa menyampaikan ucapan utama pada konvensyen sehari itu.

Abdullah seterusnya berkata, cadangan itu akan dapat merealisasikan harapan Pengerusi BN yang mahu parti pemerintah itu terus mendukung kemajuan negara.

Menurut beliau, kerajaan BN akan terus membangunkan negara walaupun ada pihak yang menentang kemajuan yang dibina.

"Pembangunan tidak boleh dihentikan hanya kerana ada orang yang tidak bersyukur dengan pembangunan," jelasnya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan BN yakin sebahagian besar rakyat masih mahukan pembangunan sebagaimana yang dikecapi hari ini.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, pihaknya telah menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja yang dianggotai oleh ketua-ketua Pemuda parti komponen bagi menjelaskan beberapa isu yang diputar belitkan oleh parti pembangkang kepada generasi muda.

"Jawatankuasa yang ditubuhkan dua bulan itu dianggotai oleh ketua-ketua Pemuda dari UMNO, MCA, MIC dan Gerakan.

"Antara isu yang akan diperjelaskan termasuk kuota kemasukan bumiputera ke universiti tempatan, rasuah dan pentadbiran yang baik," katanya.